

PERBAHASAN DI PARLIMEN KOTORKAN LAGI SUASANA

Bukti Razaleigh utamakan cita2 - PM

KUALA LUMPUR 8
Dis. — Perdana
Menteri, Datuk Sri Dr.
Mahathir berkata peng-
umuman Tengku Raza-
leigh Hamzah untuk meneruskan usaha menghidupkan semula UMNO lama setelah gagal di Parlimen membuktikan beliau lebih mengutamakan cita-citanya dari kepentingan Melayu.

Beliau menyifatkan perbahasan di Parlimen kelmarin berhubung dengan usul Tengku Razaleigh sebagai membazir dan "telah mengotor dan merosakkan lagi suasana tegang yang cuba diperbaiki dengan tawaran jawatan kabinet dan sebagainya."

Katanya, Tengku Razaleigh bukan sahaja menolak tawaran jawatan kabinet dan ahli UMNO malah beliau mahu meneruskan usaha yang diketahuinya tidak boleh dibuat.

"Nampaknya kalau perpecahan Melayu boleh memberikan kedudukan kepadanya maka beliau akan sanggup untuk berbuat demikian," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Beliau menyatakan demikian apabila diminta oleh wartawan - wartawan mengulas reaksi Tengku Razaleigh

UM 9/12/88
terhadap kegagalannya mengemukakan rang undang - undang bagi meminda Akta Pertubuhan 1966 yang bertujuan untuk menghidupkan semula UMNO lama di Parlimen Rabu lalu.

Tengku Razaleigh telah menyatakan bahawa langkahnya yang telah gagal itu hanyalah sebagai suatu permulaan dan langkah - langkah yang lebih besar akan menyusul kemudian.

Beliau akan menjelajah ke seluruh negara bagi meneruskan usaha yang sama malah menurutnya besar kemungkinan siri pilihanraya kecil akan terus diadakan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Jelaslah beliau tidak mahu kepada perpaduan."

Sandiwara

Katanya beliau berpendapat perbahasan atas usul Tengku Razaleigh itu 'membuang masa' sahaja kerana beliau datang ke Parlimen dengan fikiran tertutup.

Encik Ghafar Baba sendiri telah cuba untuk mencari perdamaian tetapi apabila telah jelas kepadanya mereka sedikit pun tidak sanggup menerima hujah - hujahnya maka beliau tidak menghabiskan ucapannya di perbahasan itu, katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata Tengku Razaleigh sebenarnya hendak bermain sandiwara sahaja dan bukanlah bertujuan untuk menghidupkan semula UMNO.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberikan tiga sebab mengapa beliau berpandangan demikian iaitu:

- Tengku Razaleigh telahpun mengetahui bahawa usulnya tidak akan dapat menghidupkan semula UMNO.
- Tengku Razaleigh juga tahu bahawa dia tidak mempunyai majoriti di dalam Parlimen.
- Walaupun Parlimen mempunyai kuasa tetapi kuasa undi tetap tertakluk kepada beberapa prinsip dan Parlimen tidaklah boleh menjadi mahkamah rayuan yang boleh membatalkan keputusan atau hukuman yang telah dibuat oleh Mahkamah Agung.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah "tujuan sebenar Tengku Razaleigh ialah untuk menunjukkan kepada umum bahawa dengan penolakan usulnya itu maka

LIHAT MUKA 2

Bukti Razaleigh utamakan cita2 — PM

"Pihak UMNO sekarang adalah pihak yang tidak mahu menghidupkan UMNO lama dan dia berada di pihak yang mahu.

"Dan beliau akan menggunakan isu ini untuk memburukkan pemimpin UMNO yang ada sekarang dan untuk mengekalkan usahanya bagi memecahbelah orang-orang Melayu.

"Ini adalah berlawanan dengan usaha kita untuk bersatu padu," tegasnya.

Oleh Datuk Sri Dr. Mahathir dijelaskan bahawa tidak ada 2 precedent yang boleh memberikan kuasa kepada kita untuk menghidupkan semula UMNO menerusi Parlimen.

Katanya, "kalau berdasarkan kepada retrospektif (undang - undang yang berkenaan dengan masa lalu) di dalam beberapa perkara, tidaklah berhubung dengan kepentingan UMNO. Ia adalah berhubung dengan kepentingan negara dan awam.

"Kalau UMNO boleh menggunakan Parlimen untuk kepentingan UM-

NO maka bererti penyalahgunaan kuasa dan dengan itu orang tidak lagi akan mempunyai kepercayaan kepada Parlimen."

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, "sekali-pun kita mempunyai undi majoriti di dalam Parlimen tetapi kita tidak boleh menggunakannya sesuka hati. Kita tidak boleh gunakan lojik. Kita adalah tetap tertakluk kepada prinsip.

"Kiranya kita berpegang kepada majoriti, maka apakah yang akan terjadi sekiranya parti lain membawa usul ke Parlimen untuk membatalkan sesuatu keputusan mahkamah?" Tanya beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyatakan bahawa usul yang telah dikemukakan oleh Tengku Razaleigh itu jelas tidak akan membawa faedah kepada UMNO dan orang - orang Melayu.

"Adalah mudah untuk mengenal sama ada sesuatu usul itu bersifat UMNO atau tidak. Sekiranya DAP menyokongnya maka ia bukanlah UMNO tetapi

kiranya DAP menentang maka bererti ada kepentingan UMNO dan Melayu.

"Maka itulah sebabnya apabila pihak Tengku Razaleigh mengusulkan supaya diadakan undi secara belah bahagian (*block voting*) setelah pengundian suara, maka DAP serta - merta menyokongnya.

"Dan bila pengundian dibuat atas usul Tengku Razaleigh, maka DAP telah menyokong pihak yang tidak menyokong UMNO.

"Adalah mustahil DAP akan menyokong pihak yang mahukan UMNO berjaya," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Katanya, perbincangan atas usul Tengku Razaleigh itu telah membukarkan lagi suasana sedangkan kita sedang berusaha untuk memperbaikinya.

Dengan adanya kata-kata kesat di dalam perbincangan itu maka suasana tegang yang cuba diperbaiki dengan tawaran jawatan dan sebagainya telah menjadi kotor dan rosak," ujarnya.